

ONLINE



02 Oktober 20123

Program CCSC jadi pilihan ramai pulih penagih



Ada antara ahli keluarga saya terbabit dalam kes penyalahgunaan dadah dan usaha memulihkannya mengambil masa lama dengan sokongan keluarga. Disebabkan bekas penagih biasanya berasa rendah diri, adakah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mempunyai kaedah tertentu untuk membantu mereka pulih dan kembali kepada masyarakat.

Rohana Mohd Yusuf
Triang, Pahang

AADK menyediakan 39 Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin (CCSC) di seluruh negara dan 32 lagi CCSC akan dibuka Januari tahun depan bagi membantu bekas penagih dadah pulih dan kembali ke pangkuhan masyarakat.

Paling menggembirakan apabila pembukaan CCSC ini atas permintaan masyarakat sendiri. CCSC memberi perkhidmatan termasuk nasihat, perjumpaan teras langkah pemulihan, kaunseling dan bimbingan, pendidikan moral, kerohanian, terapi muzik, integrasi sosial, sukan dan riadah serta penjagaan kesihatan.

Sehingga 5 September lalu, seramai 17,115 penagih dadah hadir ke CCSC mendapatkan bantuan bagi memulihkan diri mereka daripada masalah penagihan. Selaras penambahan CCSC itu, modul baru khidmat

dimasukkan untuk lebih menarik minat golongan itu ke arah pemulihan.

Program jangka pendek dan panjang turut dilakukan bagi memastikan golongan itu mendapat pekerjaan dengan memberi latihan kepada mereka. Kita ada Pusat Penyembuhan dan Vokasional dengan latihan jangka pendek seminggu dari jangka panjang enam bulan, manakala 260 penagih terbabit dalam latihan ini bulan lalu.

Puan Sri Zuraidah Mohamed
Ketua Pengarah AADK